

26 SEP 1998

Nik Aziz-Anwar

NIK AZIZ MINTA MASYARAKAT JANGAN SALAH GUNA FUNGSI MASJID

KOTA BAHARU, 26 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tidak bersetuju masyarakat menggunakan masjid sebagai tempat mengadakan tunjuk perasaan.

Katanya, fungsi masjid ialah untuk mengadakan perkara-perkara kebaikan, seperti perhimpunan untuk mengadakan sembahyang hajat.

"Saya setuju kalau masjid dijadikan tempat mengadakan sembahyang hajat, baca yasin, berselawat dan berdoa untuk menghindarkan bala...tetapi kalau untuk mengadakan perkara lain (tunjuk perasaan), ianya kurang sesuai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan agung perwakilan Kesatuan Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia Kali Ke-24 di Dewan Teratai, Kota Darul Naim di sini, hari ini.

Nik Aziz bagaimanapun enggan mengulas mengenai tindakan penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengadakan perhimpunan di Masjid Negara, semalam.

"Kalau nak lakukan sembahyang hajat, seperti yang Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) kata, masjidlah tempat yang paling sesuai dan bukannya perkara lain," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Kesatuan Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia, Arfanuddin Hussain ketika ditemui berkata, sebagai pegawai kerajaan mereka mesti akur dengan apa sahaja keputusan kerajaan.

Bagaimanapun pendirian kesatuan ialah tidak mahu masuk campur mengenai apa yang berlaku dalam senario politik negara kini.

"Jika ada anggota yang menyertai gerakan reformasi, yang dipelopori Anwar, itu adalah hak individu," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini kesatuan belum menerima maklumat sama ada terdapat anggotanya yang menyertai gerakan itu.

Anwar yang dilucutkan jawatan Kabinet pada 2 Sept lepas dan dipecat daripada UMNO sehari kemudian, telah menghadiri dan berucap pada beberapa perhimpunan, sehingga beliau ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 20 Sept lepas.

-- BERNAMA

ZI RI